



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

**Kompleks Kementerian Kewangan**  
No. 5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

KK/BP/DS (S)10/79/28(S.K.1/2014)(50)

6 Jun 2017

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**  
**Semua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN CONTRACT FOR SERVICE**  
**TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* kepada semua individu *contract for service* sebanyak RM500.00. Sehubungan itu, semua individu *contract for service* yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 layak menerima Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service*.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang berkhidmat secara *contract for service* layak menerima Bantuan Khas Kewangan pada kadar RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu *contract for service* bertugas.

4. Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia dan akan dibayar pada 8 Jun 2017.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH)**

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia